

Pemimpin kekal dihormati: Tiga sikap perlu

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Presiden UMNO yang baru, Datuk Musa Hitam berkata, sikap merendah diri, jujur dan cekal hati perlu disematkan di setiap pemimpin yang mahu kekal dan dihormati oleh segenap lapisan masyarakat.

Ketiga sikap itu, katanya, perlu ditanamkan di jiwa mereka yang berjuang di bidang politik dan ingin menjadi peniaga berjaya.

"Setelah berusaha dan bekerja keras, kita perlu pula menyerahkan diri kepada Takdir," katanya dalam pertemuan khas di hari kedua Perhimpunan Agung UMNO ke-32.

Mengulas kemenangannya mengalahkan Tengku Razaleigh Hamsah dengan majoriti 205 undi, Datuk Musa yang juga Menteri Pelajaran menegaskan, keputusan itu adalah hak para perwakilan dan mereka yang bertanding harus menerima hakikat kalah menang.

"Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterimakasih kepada perwakilan yang menyokong saya. Dan sokongan itu menggerakkan saya untuk bekerja keras demi kepentingan parti dan negara," katanya lagi.

Bellau juga menyeru para perwakilan dan ahli-ahli UMNO mengikut langkahnya menyokong penuh pemimpin yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Sokongan tidak berbelah bagi kepada pemimpin yang dipilih perlu wujud supaya UMNO terus kekal sebagai parti yang paling berpengaruh di negara ini," jelas Datuk Musa lagi.

Bellau kemudian memberi jaminan untuk bekerjasama dengan Datuk Seri Dr. Mahathir memperjuangkan sesuatu bagi kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Datuk Musa juga akan terus memperjuangkan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Sistem 3-M (Membaca, Menulis dan Mengira) yang akan diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah, tahun depan.

Bellau juga menerima hakikat bahawa ahli-ahli UMNO, khususnya para perwakilan, kian matang dan boleh diajak berunding.

"Perjuangan UMNO kini lebih berasaskan semangat yang tebal, kukuh dan tidak mudah luntur. Ini perlu dikekalkan," tegasnya.

Mengenal peranan akhbar membuat liputan sebelum perhimpunan, beliau berpuashati sikap 'neutral' yang tidak menyebelah mana-mana pihak.

"Hanya satu atau dua akhbar saja yang agak 'condong' kepada satu-satu calon. Dan sikap begini tidak harus diteruskan," katanya lagi.

Bellau memuji pihak akhbar yang semakin matang dan bertanggungjawab menyiarkan berita dan rencana untuk berkempen sesuatu calon.

"Tapi sikap keterlaluan (ditujukan kepada sebuah akhbar) harus dihentikan. Saya hanya berastaga dan bersabar apabila membaca akhbar yang memperli dan tidak menyokong saya," katanya lagi.

Bagalmanapun, beliau memberi jaminan untuk tidak bertindak kepada akhbar tersebut.

"Tidak terlintas di fikiran saya untuk membuat sebarang ugutan," jelasnya.

Datuk Musa juga menyanjung tinggi orang perseorangan atau pihak-pihak tertentu yang berkempen untuk memastikan kemenangannya.

"Sebahagian besar darinya berkempen tanpa meminta balasan kerana mereka tahu saya bukan orang yang kaya dan berharta," ujarnya lagi.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia